



SMK SULTAN ABDUL JALIL, KLUANG
UJIAN PRA PENTAKSIRAN DAN PENILAIAN STPM
PENGGAL 1
1 Jam 45 Minit
SEPTEMBER 2016

Bahagian A (50 Markah)

Jawab semua soalan

- 1 a Jelaskan **empat** sebab sesebuah perniagaan perkongsian boleh dibubarkan. [4m]
- b Terangkan tahap perniagaan peringkat proses. [6m]
- c Nyatakan **enam** faktor yang mempengaruhi pemilihan lokasi kilang. [6m]
- d Nyatakan **empat** kepentingan kawalan inventori. [4m]
- e Jelaskan **empat** pendekatan pemasaran. [4m]
- f Jelaskan maksud pelabelan dan nyatakan maklumat yang terdapat pada label bagi sesuatu produk. [6m]
- g Nyatakan **enam** kemudahan pembiayaan jangka pendek yang boleh diperolehi oleh peniaga. [6m]
- h Nyatakan **empat** prinsip takaful. [4m]
- i Nyatakan **enam** cabaran pengurusan sumber manusia. [6m]
- j Nyatakan **empat** jenis hukuman yang berkaitan dengan tindakan diplin. [4m]

BAHAGIAN B [50 MARKAH]

Jawab **semua** soalan.

Potensi bakal pekerja

2. Untuk mengenali potensi bakal pekerja, resume menjadi dokumen yang dapat digunakan sebagai asas penilaian. Analisis terhadap laporan tahunan korporat sesebuah firma dapat memberikan maklumat yang berguna sebagai asas membuat keputusan terutama kepada individu yang berhasrat untuk melabur dalam sesebuah firma dan ingin menilai potensi pulangan atas pelaburan tersebut atau individu yang ingin bekerja sebagai pegawai di sebuah bank yang bertaggungjawab meluluskan pinjaman serta berperanan menentukan keupayaan bakal peminjam untuk melangsaiakan pokok dan faedah pinjaman yang dikenakan. Selain digunakan oleh pihak pengurusan untuk menilai prestasi perniagaan, laporan tahunan korporat turut digunakan oleh banyak pihak lain seperti bank, bakal kakitangan, pelabur, pihak kesatuan dan pihak berkuasa.

Masing-masing menggunakan analisis laporan tahunan korporat dengan tujuan yang berbeza. Perbezaan ini menyebabkan fokus analisis antara mereka turut berbeza. Analisa nisbah dapat memberikan petunjuk tambahan untuk mengukuhkan analisis kewangan yang dibuat. Antara pengukuran nisbah utama yang menjadi teras kepada analisis nisbah termasuklah nisbah kecairan, nisbah kecekapan, nisbah keberuntungan, nisbah hutang dan nisbah pasaran. Nisbah kecairan mengukur keupayaan firma untuk menyediakan tunai pada masa diperlukan. Nisbah kecekapan pula menjadi kayu ukur untuk menentukan keefisienan pengurusan aset. Sementara itu, nisbah hutang menilai perbandingan antara pembiayaan kredit oleh pihak luar berbanding dengan ekuiti. Penilaian prestasi kewangan keseluruhan firma merangkumi pengurusan aset, liabiliti dan ekuiti pula dapat ditentukan dengan mengira analisis keberuntungan.

Walaupun laporan tahunan korporat menyediakan laporan kewangan yang lengkap kepada pembuat keputusan, laporan tahunan korporat tetap mempunyai pembatasan. Maklumat kewangan dalam laporan tahunan korporat berorientasikan data sejarah. Maklumat dipersembahkan sudah tidak terkini ketika laporan tahunan tersebut dikeluarkan kepada pihak berkepentingan. Semasa menyediakan laporan kewangan, pihak pengurusan menggunakan andaian seperti peruntukan susut nilai, peruntukan hutang ragu dan lain-lain. Walau bagaimanapun, tidak semua perkara dapat diketahui jika analisis dilakukan hanya terhad kepada maklumat kewangan. Sebaliknya, maklumat bukan kewangan yang turut dilaporkan dalam laporan tahunan korporat turut mengandungi petunjuk penting dalam menilai masa dahulu dan masa hadapan sesebuah firma.

(Sumber: Disesuaikan daripada Dewan Ekonomi , Februari 2013)

Berdasarkan kes di atas,

- a) Huraikan LIMA pihak yang memerlukan penyata tahunan korporat firma sebelum boleh membuat keputusan kewangan. [15]
- b) Perihalkan EMPAT analisis kewangan yang boleh digunakan oleh pihak berkepentingan untuk membuat keputusan kewangan. [15]

3. Jawab satu soalan sahaja, samada soalan 3 (a) atau soalan 3 (b)

- a) i. Terangkan tiga faktor yang mempengaruhi gelagat pengguna. [6]
ii. Dengan bantuan rajah, huraikan kitaran hayat produk [14]

ATAU

- b) i. Huraikan lima ciri produk baharu yang mempengaruhi kesediaan seorang pengguna untuk menerima produk baharu tersebut. [9]
ii. Terangkan maksud perletakan pasaran dan huraikan strategi perletakan pasaran. [11]

-SELAMAT MENJAWAB-